



PM terima kunjungan hormat Michelle Yeoh

PELAKON Hollywood kelahiran Malaysia, Tan Sri Michelle Yeoh yang memenangi Anugerah Pelakon Wanita Terbaik Oscar melakukan kunjungan hormat ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri dalam satu kenyataan memberitahu, beliau berpeluang mendengar sendiri kisah perjalanan hidup Michelle Yeoh yang penuh dengan suka duka semasa menerima kunjungan daripada seniwati tersebut.

Katanya, kejayaan 'luar biasa' dikecapi oleh tokoh budayawan

tersebut bukan sahaja bermakna kepada dirinya sendiri tetapi turut bermakna untuk ahli keluarga mahupun rakyat Malaysia secara keseluruhan.

"Pencapaiannya itu berjaya mengangkat nama negara di persada antarabangsa. Saya ucap semoga maju jaya dan terus beroleh kejayaan," katanya dalam Facebook beliau semalam.

Michelle memenangi anugerah itu hasil lakonan beliau dalam filem *Everything Everywhere All At Once* sekali gus berjaya mencipta sejarah menjadi rakyat

Asia pertama yang tercalon dan memenangi anugerah dalam acara berprestij itu.

Kejayaan ikon kelahiran Ipoh itu dikatakan turut menjadi inspirasi kepada pelakon Malaysia terutama pendatang baharu untuk berusaha sehingga mampu melakar nama di peringkat antarabangsa.

■ **MICHELLE YEOH** berkongsi pengalaman beliau sebagai pelakon Hollywood ketika melakukan kunjungan hormat ke atas Anwar Ibrahim di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.